

# Kembang bakat ICT penuntut, masyarakat



Ketika penyampaian sijil Haina bersama wakil berkenaan.

DALAM usaha mencapai sasaran bakat dan pendidikan dengan keperluan kehidupan sebenar industri ICT, Akademi ICT Huawei Technologies, mengumumkan bekerjasama dengan Universiti Malaya (UM).

Perkongsian strategik Huawei ICT Academy dan UM akan menggalakkan pemahaman ICT yang lebih besar melalui latihan teknologi, meningkatkan minat dan mengembangkan bakat dengan kemahiran praktikal untuk pelajar dan masyarakat.

Salah satu objektif utama program ini adalah untuk memupuk bakat ICT dan membantu pelajar bersedia ke alam pekerjaan.

Pada masa sama, program membantu

dalam mengisi jurang kemahiran ICT global dengan mewujudkan jambatan antara pendidikan akademik dan industri.

Bersama-sama di semua akademi ICT, akan ada lebih dari 3,000 pelajar di Malaysia yang akan mendapat manfaat dari kursus latihan Huawei dalam jangka awal tiga tahun.

Dekan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya, Prof Dr Ir Abdul Aziz Abdul Raman berkata, pihaknya berbangga bersama Huawei untuk melengkapkan generasi sekarang dengan pendidikan kontemporari.

"Kami percaya program Akademik Maklumat dan Akademi Rangkaian Huawei (Haina) ini langkah seterusnya bagi kami sebagai institusi akademik

menyokong pertumbuhan bakat ICT di negara ini dan memberikan peluang kepada pelajar dan masyarakat," katanya ketika majlis di ibu negara.

Naib Presiden Rakan Kongsi & Persatuan, Wilayah Pasifik Selatan, Enterprise Business Group, Todd Liu Peng berkata, program persijilan dibuat bertujuan meningkatkan peluang pekerjaan untuk golongan muda.

Menurutnya, program sejahter dengan strategi kemapanan Huawei dalam merapatkan jurang digital, mempromosikan pemindahan kemahiran dan membangunkan situasi menang-menang dengan masyarakat tempatan.

"Kami berharap dapat mencapai matlamat ini bekerja dengan semua rakan

akademik, untuk terus mengembangkan keluarga Akademi Huawei dan membangunkan sistem eko'baktak ICT," katanya.

Bermula di peringkat global pada 2016, Akademi ICT Huawei melalui program Haina bertujuan untuk memberi kuasa kepada institusi akademik menyampaikan latihan Persijilan Huawei kepada pelajar universiti.

Di Malaysia, kini terdapat tujuh universiti yang telah mendaftar untuk menjadi sebahagian daripada Akademi ICT Huawei iaitu Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Taylor.